


AKTIVITI RESEARCH COMMITTEE HOSPITAL BINTULU



Research Committee telah ditubuhkan pada 26.6.2013 dan ia terdiri daripada kakitangan Hospital Bintulu di bawah naungan Tuan Pengarah, bertujuan untuk melestarikan penyelidikan di kalangan kakitangan hospital ini. Antara objektif penubuhan Research Committee ialah menggalakkan penglibatan warga Hospital Bintulu dalam aktiviti penyelidikan, memantau penyelidikan yang sedang dijalankan, memberi panduan kepada penyelidik serta merancang pelbagai aktiviti untuk memastikan penyelidikan terus menarik minat kakitangan hospital Bintulu.



Para penyelidik disyorkan untuk membentangkan kertas cadangan penyelidikan kepada Research Committee bagi mendapatkan input daripada mereka yang lebih berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam penyelidikan.